

KESAN DAN PENGARUH AGAMA TERHADAP PEMIKIRAN MELAYU TRADISIONAL

Mahayudin Hj. Yahaya

MUKADIMAH

Kepercayaan keagamaan sudah menjadi darah daging orang Melayu sejak zaman primitif lagi. Yang dimaksudkan dengan agama di sini ialah kepercayaan tentang adanya kuasa tertinggi (supernatural power) yang menguasai alam semesta. Kepercayaan tentang adanya kuasa tertinggi atau Tuhan itu telah mempengaruhi hidup mereka seharian hingga kepada ketibaan agama Hindu-Buddha dan Islam. Kedua-dua agama ini telah memainkan peranan masing-masing dalam membentuk identiti keagamaan orang Melayu tradisional.

Dalam kertas ini, penulis — dengan kemampuan yang amat terhad — cuba mengesan kesan dan pengaruh agama Hindu dan Islam ke atas pemikiran orang Melayu. Perhatian khusus akan ditumpukan kepada era Islam kerana pada zaman itulah lahirnya idea-idea dan gagasan-gagasan yang bersifat intelektual. Ini perlu diperhatikan dengan lebih mendalam kerana dari situlah nanti akan ternampak beberapa jalinan dan interaksi antara kepercayaan-kepercayaan agama yang dibawa dengan kepercayaan dan realiti tempatan.

ZAMAN PRIMITIF

Sebelum ketibaan agama Hindu/Buddha sudah terhadap kepercayaan animisme di kalangan masyarakat Nusantara. Ini terjadi kerana pengaruh alam persekitaran. Menurut Ibn Khaldun alam persekitaran seperti iklim udara dan lain-lain boleh mempengaruhi tabiat, sikap dan pandangan hidup manusia.¹ Animisme adalah merupakan suatu kepercayaan primitif yang membawa kepada sangkaan bahawa setiap benda mempunyai jiwa atau roh. Di samping itu terdapat pula kepercayaan dinamisme yang menyangka bahawa setiap benda mempunyai daya tenaga. Kedua kepercayaan ini terjadi serentak hingga sukar untuk dibezakan.²

Di Nusantara kepercayaan animisme dapat dilihat dalam bentuk kepercayaan terhadap puaka atau penunggu sesuatu tempat. Sementara dinamisme terjelma dalam konsep ‘semangat’ —

semangat padi – yang boleh menentukan masa depan mereka.³

Kesan dan pengaruh kepercayaan animisme dan dinamisme ini membawa kepada penyembahan roh-roh nenek-moyang yang dianggap mempunyai daya tenaga dan kesaktian yang tinggi.⁴ Roh-roh nenek-moyang ini dalam masyarakat primitif dikenali sebagai ‘hyang’ yang membawa erti moyang atau poyang. Kesan penyembahan roh-roh nenek-moyang ini membawa kepada tradisi pembinaan batu-batu besar sebagai lambang penghormatan terhadap nenek-moyang. Dari sini timbul pula kepercayaan tentang adanya orang tertentu yang mempunyai kewibawaan sebagai penghubung dengan roh-roh yang ghaib itu. Pada zaman Arab Jahilia ia dikenali sebagai ‘kahin’, tetapi di Nusantara disebut sebagai pawang, dukun atau bomoh. Kedudukan pawang, dukun atau bomoh sangat mulia dan tinggi pada zaman purbakala, dan kini masih mendapat tempat, khususnya di kalangan masyarakat Melayu desa.

Pemujaan terhadap roh-roh atau hyang yang ghaib itu boleh dikaitkan dengan kepercayaan orang Melayu terhadap Tuhan. Dari segi istilahnya ‘hyang’ itu sinonim dengan moyang atau poyang, tetapi apa yang dimaksudkan ialah dewa atau Tuhan. Dari sinilah timbulnya perkataan ‘sembahyang’ yang bererti penyembahan kepada nenek-moyang, dewa-dewa, tuhan, atau sebagainya. Orang-orang Melayu pada zaman pra-Hindu/Buddha mempercayai adanya Dewa Bintang, Dewa Langit, Dewa Bumi dan sebagainya, mereka mempercayai pula wujudnya Dewa Agung atau ‘superme Being’.⁵

ZAMAN HINDU BUDDHA

Kedatangan agama Hindu/Buddha dari India tidaklah dapat mengubah secara total akan kepercayaan-kepercayaan primitif orang Melayu. Di samping menerima agama baru itu orang-orang Melayu masih mempertahankan warisan tradisional, setelah itu diolah dan disesuaikan mengikut citarasa mereka sendiri.⁶

Pengaruh Hindu/Buddha di Nusantara bermula sejak abad pertama Masihi. Dan pada abad ke-7M. terbentuk kerajaan Srivijaya di Sumatera, dan pada abad ke-10 terbentuk pula kerajaan Majapahit di Jawa. Kedatangan agama Hindu-Buddha telah membawa sistem kasta dalam masyarakat dan pentadbiran. Menurut agama Hinduisme manusia terbahagi kepada empat peringkat: Brahmin, Kayatriya, Vaisya dan Sudra, atau secara kasarnya ia terbahagi kepada dua golongan: golongan bangsawan/pemerintah dan golongan rakyat jelata yang menjadi hamba kepada golongan pertama. Dari adat berkasta ini muncullah sistem ‘feudal’. Dalam sistem feudal seluruh rakyat menjadi hamba

kepada kaum bangsawan atau raja yang memerintah. Bukan sahaja dalam bidang politik dan pentadbiran, malah dalam soal-soal rumah tangga, perkahwinan, dan kerohanian Hindu-Buddha turut mempengaruhi kehidupan masyarakat tempatan.⁷ Yang perlu ditekankan di sini ialah mengenai aspek kerohanian. Dalam ajaran Hindu terdapatnya doktrin ‘monotheisme’ dan ‘pantheism’ yang membawa erti keesaan wujud. Menurut doktrin ini, alam semesta hanya berada dalam bentuk khayal (illusion) atau ia tidak ada dalam erti kata sebenarnya, apa yang ada ialah Brahman dan ia kekal dan tidak terikat dengan ruang dan waktu. Dari pancaran Brahman muncullah atman, iaitu sesuatu yang dapat dilihat seperti manusia, binatang dan alam semulajadi. Dari sinilah timbulnya aliran pantheism dan monotheism; bahawa di antara atman dengan Brahman itu asalnya satu, tidak dua (advaita).⁸ Dan dari sini jugalah lahirnya ucapan-ucapan yang berbunyi: “Aku adalah Dia”, atau “Aku adalah Brahman”.

Setelah berlakunya sinkretisme yang begitu lama antara kepercayaan primitif tempatan dengan ajaran-ajaran Hindu-Buddha maka lahirlah pengaruh Islam yang membawa berbagai ciri keagamaan yang ditafsir dengan berbagai bentuk mengenai konsep ketuhanan, manusia dan alam oleh ahli-ahli falsafah, ulama Kalam dan para sufi. Maka pada ketika itu sekali lagi berlaku sinkretisme atau percampuran antara tradisi tempatan yang sudah bercampur aduk dengan kepercayaan agama Hindu/Buddha dengan kepercayaan baru (Islam) dalam pemikiran orang Melayu.

ZAMAN ISLAM

Ada pendapat mengatakan zaman Islam di Nusantara hanya bermula pada abad 15M.,⁹ di mana pada ketika itu kesajaan Majapahit telah jatuh dan tempatnya diambil alih oleh kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1400. Sebenarnya pendapat ini tidaklah begitu tepat kerana walaupun Melaka pada ketika itu merupakan sebuah kerajaan yang agung selepas Majapahit tetapi sebelum itu sudah terdapat dua buah kerajaan Islam di Sumatera iaitu kerajaan Perlak dan kerajaan Samudra-Pasai. Walaupun kedua buah kerajaan ini tidaklah begitu berpengaruh dari segi politik berbanding dengan Kerajaan Melayu Melaka tetapi dari segi agama mereka sangat berpengaruh, khususnya bagi masyarakat Melayu di Sumatera. Sebelum kita pergi kepada kesan dan pengaruh agama Islam maka ada baiknya jika ditinjau terlebih dahulu sejarah kedatangan Islam ke rantau ini.

Tidak ada kata sepakat di kalangan pengkaji-pengkaji, baik di Barat maupun di Timur tentang tarikh awal kedatangan Islam ke Alam Melayu: ada yang mengatakan pada abad ke-13M., ada yang

mengatakan abad ke-8M. dan ke-9M., malah ada pula yang mengatakan pada abad ke-7M. atau abad pertama hijrah iaitu pada masa Nabi Muhammad s.a.w. masih hidup lagi. Di antara pendapat-pendapat ini ternyata bahawa pihak orientalis Barat lebih cenderung kepada melewatkannya tarikh kedatangan Islam ke rantau ini, sementara sarjana-sarjana Islam khususnya dari kawasan Alam Melayu adalah di sebaliknya. Kedua pandangan ini bolehlah dianggap ekstrem kerana masing-masing mempunyai motif dan kepentingan sendiri. Dalam keadaan begini tidak syak lagi boleh membawa kepada kesimpulan-kesimpulan yang tidak ilmiah. Sebagai contoh, di dalam seminar "Sejarah Masuknya Islam ke Indonesia" yang diadakan dua kali, pertama di Medan pada tahun 1963 dan kali kedua di Aceh pada tahun 1978 telah membuat kesimpulan bahawa Islam datang ke Alam Melayu pada abad pertama hijrah iaitu sewaktu Rasulullah masih hidup dan ia datang secara langsung dari negeri Arab. Saya kira kesimpulan-kesimpulan ini dibuat adalah semata-mata berdasarkan sentimen atau merupakan reaksi kepada kesimpulan-kesimpulan yang dibuat oleh puak orientalis sebelumnya. Atau dengan lain-lain perkataan, banyak hujah-hujah yang dikemukakan mengenai ketibaan Islam di rantau ini pada zaman Rasulullah adalah berdasarkan andaian belaka.

Tidak ada sebuah kitab Arab, baik yang berbentuk sejarah maupun bukan sejarah, yang mengatakan Islam tiba di Alam Melayu pada zaman Rasulullah s.a.w. Pada zaman baginda penyebaran Islam hanya berlaku di sekitar Semenanjung Tanah Arab Hal ini telah dinyatakan oleh Ibn Hisham, Ibn Ishaw, al-Tabari, al-Baladhuri dan lain-lain. Mereka ini berauthoritas dalam sejarah kebangkitan Islam dan penyebarannya di peringkat awal. Mengikut mereka juga di sepanjang pemerintahan Khulafa al-Rashidin (11/632-40/661) aktiviti dakwah tertumpu pula ke kawasan utara Semenanjung Tanah Arab iaitu Iraq, Syria dan Afrika Utara. Tetapi setelah kenaikan kerajaan Banu Umayyah maka aktiviti dakwah semakin meluas sehingga ke Sepanyol di sebelah Barat dan ke negeri China di sebelah Timur. Bukan itu sahaja, malah dengan kenaikan Banu Umayyah ramai para pendakwah Arab telah berhijrah ke negeri-negeri di sebelah Timur termasuk negeri-negeri di Kepulauan Melayu. Menurut al-Nuwairi, di sebelah timur negeri China terdapat sekumpulan bangsa Arab dari penyokong-penyokong Ali bin Abi Talib yang dikenali sebagai 'Alawiyyin' telah menetap di kepulauan Sila. Mereka ini merupakan kaum Shi'ah yang telah melarikan diri dari tentera Banu Umayyah.¹⁰ Menurut Sayyid 'Alwi bin Tahir al-Haddad, bekas Mufti Johor dan ahli sejarah Arab yang terkenal di rantau ini, dalam bukunya *'Uqud al-Almas* yang berdasarkan *Kitab Nukhbah al-Dahr* oleh Shamsuddin Abu Abdullah Muhammad al-Ansari bahawa yang

dimaksudkan dengan Kepulauan Sila itu ialah pulau-pulau Sulu, Sulawesi dan Kalimantan (Borneo). Mereka datang ke sini adalah menerusi Campa, Vietnam.¹¹ Walau bagaimanapun, Shamsuddin, pengarang *Kitab Nukhbah al-Dahr* lebih cenderung untuk mengatakan kedatangan kaum Alawiyyin (Shi'ah) ke Kepulauan Sila itu berlaku pada zaman al-Hajjaj (75/695-95/714), gabenor Banu Umayyah yang terkenal dengan sifat bengis dan kekerasan.¹²

Dari kenyataan di atas jelaslah bahawa tujuan asal kedatangan kaum Shi'ah ke rantau ini bukan untuk berdakwah tetapi semata-mata kerana untuk menyelamatkan diri dari dibunuh oleh tentera Banu Umayyah. Besar kemungkinan bahawa sebahagian daripada mereka itu telah singgah di beberapa tempat di sebelah barat kepulauan Sila. Menurut Thomas Arnold bahawa pada tahun 674M., iaitu pada zaman pemerintahan 'Mu'awiyah bin Abi Sufyan, sudah terdapat perkampungan orang Arab-Islam di pantai Barat Sumatera.¹³ W.P. Groeneveldt juga menganggarkan tarikh awal ketibaan orang Islam di rantau Asia Tenggara pada zaman Banu Umayyah.¹⁴

Pada tahun 800M. tiba pula serombongan lagi kaum Shi'ah ke rantau ini yang berjumlah 100 orang di bawah pimpinan Nakhoda Khalifah. Mereka telah menetap di Perlak. Menurut Prof. A. Hasjmy ketika mengulas *Kitab Izhar al-Haqq* bahawa rombongan kaum Shi'ah 100 orang yang tiba di Perlak itu adalah golongan Shi'ah yang telah ditewaskan oleh Khalifah al-Ma'mun (813-819). Mereka ini telah diarah supaya berdakwah di kawasan Nusantara. Dengan kata lain, mereka datang ke rantau ini bukanlah dengan kehendak mereka sendiri untuk tujuan dakwah tetapi hanya mengikut arahan atau paksaan kerajaan Abbasiyyah. Sebelum tiba ke Perlak mereka telah singgah di beberapa buah negeri termasuk Parsi dan India dan dalam pada itu beberapa orang dari bangsa Parsi dan India telah menyertai mereka ke Perlak. Dalam jangka masa setengah abad sahaja mereka telah berjaya mengislamkan seluruh penduduk Perlak. Salah seorang dari mereka bernama Muhammad bin Ali bin Ja'far al-Sadiq telah berkahwin dengan adik raja Perlak dan dari perkahwinan ini telah melahirkan Sayyid Abd. al-Aziz yang kemudiannya mendirikan kerajaan Shi'ah di Perlak pada tahun 225/840.¹⁵ Kerajaan Shi'ah Perlak telah memerintah hingga abad 12M.

Dalam mazhab Shi'ah terdapat beberapa aliran seperti Zaidiyah, Imamiyah, Ismailiyah dan Ghulat. Muhammad bin 'Ali bin Ja'far al-Sadiq adalah menganut aliran Imamiyyah. Walaupun pandangan Imamiyyah agak sederhana berbanding dengan aliran Ghulat atau Zaidiyah tetapi pada amnya penganut-penganut Shi'ah kesemuanya mengakui keutamaan Ali bin Abi Talib dari yang lain, dan ada

pula yang menganggapnya sebagai Imam Suci atau Imam Mahdi, dan ada pula yang menganggap Ali sebagai Nabi dan Tuhan. Pandangan yang ekstrem ini adalah lahir dari aliran Ghulat, pelampau, yang disokong kuat oleh kaum Parsi. Dari pengaruh Shi'ah ini timbulah konsep Nur Muhammad dalam erti kata bahawa Nabi Muhammad adalah nur atau penjelmaan Tuhan dan Ali pula adalah penjelmaan Nabi Muhammad. Ajaran-ajaran Shi'ah ini kemudiannya mempengaruhi ajaran tasawwuf dan tariqah. Di antara kesan dan pengaruh Shi'ah dalam masyarakat Melayu masih kelihatan hingga ke hari ini seperti mengadakan kenduri asyura', perayaan 10 Muharram, pendewaan terhadap keturunan Ali, al-Hasan, al-Husain dan Muhammad al-Hanafiyah, dan lain-lain lagi.

Menjelang abad 13M, pengaruh Shi'ah menjadi kurang jelas berikutan ketibaan pengaruh aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di Perlak yang dibawa oleh seorang ahli sufi bernama Maulana Sheikh Ismail yang berasal dari Mekah. Beliau telah mengislamkan raja Perlak, Mirah Silu/Malikus Salih. Menurut catatan Ibn Battutah yang mengunjungi Perlak bahawa raja Perlak, Malik al-Zahir (1326-1350) telah menganut mazhab Shafi'i dan sangat berminat dalam bidang Usuluddin.¹⁶

Dalam perbahasan Ilmu al-Kalam mazhab Shafi'i telah mengambil aliran 'Jabariyah'. Aliran Jabariyah telah diasaskan oleh al-Ja'd bin Dirham dan Jahm bin Safwan di Khurasan. Mereka ini meniru pandangan seorang Yahudi bernama Talut bin A sam yang hidup sezaman dengan Rasulullah s.a.w.¹⁷ Mereka berpendapat bahawa manusia tidak mempunyai sebarang kuasa terhadap sesuatu, sebab segala-galanya terletak di bawah kawalan Tuhan. Kemunculan aliran Jabariyah adalah merupakan reaksi kepada aliran 'Qadariyah' yang dianuti oleh mazhab Mu'tazilah yang mengatakan manusia mempunyai kuasa dan bebas melakukan sesuatu. Kedua aliran ini saling kecil memperkecil, malah kafir mengkafir antara satu sama lain.

Pada zaman Sultan Mahmud Shah Melaka (1488-1511) timbul masalah pemilihan mana yang lebih baik di antara dua aliran tersebut. Hal ini telah dirujuk kepada Pasai, kerana pada ketika itu Pasai masih merupakan pusat pengajian Islam yang terpenting di rantau ini. Cerita ini ada dicatat dalam *Sejarah Melayu*.¹⁸

Walaupun penyusun *Sejarah Melayu* tidak menyebutkan tentang jawapan Pasai mengenai masalah yang dikemukakan oleh Sultan Melaka itu, tetapi jelaslah bahawa Pasai tentu lebih berkenan dengan aliran Jabariyah kerana mazhab yang tersebar di Pasai pada ketika itu ialah mazhab Shafi'i. Bagi pihak Melaka pula tentu bersetuju dengan aliran Jabariyah kerana ia lebih dekat kepada ajaran mistik/tasawwuf yang telah berkembang di Melaka pada ketika itu.

Pengaruh tasawwuf mula berkembang di Melaka sejak ketibaan kitab *al-Durr al-Manzum* karangan Maulana Abu Ishaq al-Shirazi yang dibawa ke Melaka oleh anak muridnya pada zaman Sultan Mansur Shah (1459-1477). Kitab ini membahaskan masalah-masalah aqidah dan tauhid seperti persoalan Zat, Sifat dan Af'at Allah yang diolah mengikut pendekatan ilmu Tasawwuf. Mengikut Syed Muhammad Naquib Al-Attas, dengan ketibaan kitab ini melambangkan pengaliran ajaran tasawwuf ke negara ini.¹⁹ Tetapi apa yang perlu dipersoalkan di sini ialah jenis tasawwuf apa yang mengalir ke negara ini.

Berdasarkan sejarah perkembangan Ilmu Tasawwuf terdapat tiga peringkat yang jelas: peringkat tasawwuf akhlak, tasawwuf falsafah dan tasawwuf tariqah. Tasawwuf Akhlak bermula dari zaman Nabi hingga ke akhir zaman al-Khulafa' al-Rashidun. Tahap awal ini merupakan tahap yang paling murni dan ideal kerana pada ketika itu peminat-peminat tasawwuf kebanyakannya terdiri daripada para sahabat Nabi. Mereka ini hanya dikenali sebagai 'Ubbad, Nussak dan Zuhhad dan telah mengamalkan ajaran-ajaran Islam langsung dari Al-Quran dan Hadis. Peringkat kedua bermula pada zaman Banu Umayyah, atau lebih tepatnya berikutan peristiwa di Siffin, di akhir pemerintahan Ali bin Abi Talib. Pada ketika itu muncullah berbagai aliran dan mazhab dalam Islam seperti Khawarij, Shi'ah dan lain-lain lagi. Kelahiran aliran dan mazhab ini adalah hasil pendedahan umat Islam kepada kebudayaan asing. Pada zaman Banu Umayyah pendedahan budaya asing, khususnya budaya Rom dan Parsi berlaku secara berleluasa. Setelah itu muncul pula zaman penterjemahan buku-buku falsafah Greek dan India ke dalam bahasa Arab pada zaman Harun al-Rashid, al-Amin dan al-Ma'mun. Dengan pengaliran idea-idea asing ke negara Islam ini telah berkembanglah nilai-nilai rasionalisme dan materialisme yang seterusnya menimbulkan zaman Tasawwuf Falsafah, dalam ertikata bahawa aqidah dan tasawwuf dibincangkan menerusi dalil-dalil dan hujah-hujah falsafah yang berbelit-belit. Sebelum itu Islam difahami secara sederhana. Untuk diterima sebagai seorang Muslim misalnya, cukup dengan mengakui Allah sebagai Tuhanya dan Nabi Muhammad s.a.w. pesuruh-Nya.²⁰ Tetapi setelah munculnya ahli-ahli falsafah seperti Ibn Sina, al-Farabi, dan setelah itu Muhyiddin Ibn Arabi, pelopor tasawwuf falsafah, maka lahirlah berbagai gagasan dan tafsiran mengenai Tuhan, manusia dan alam. Ibn Sina mengatakan alam ini qadim, sementara Ibn Sina pula mengatakan tentang keesaan alam dalam teori *Wahdat al-Wujud*. Dalam kitabnya *Futuh Makkiyah* Ibn al-Arabi berpendapat bahawa, "Tidak ada yang wujud selain Allah" (فِي الْوَجُودِ لَا إِلَهَ), dan alam ini merupakan sebahagian dari Allah kerana Dia yang menjadikannya. Dari sinilah timbulnya teori keesaan alam

(wujud). Al-Imam al-Ghazali r.a. (1058 – 1111) telah mengecam ahli-ahli falsafah itu dalam kitabnya *al-Tahafut al-Falasifah* dan cuba mengembalikan tasawwuf ke zaman murninya iaitu tasawwuf akhlak. Tetapi setelah kejatuhan kota Baghdad (1258) timbul pula zaman tasawwuf tariqah.

Sebenarnya perkembangan tasawwuf tariqah berlaku setelah umat Islam mengalami kekalahan di tangan bangsa Mongol. Pada ketika itu ilmu-ilmu Islam yang sebelum ini berkembang pesat di Baghdad telah mengalami zaman kebekuan. Dalam suasana kebekuan ini berbagai cara dan jalan (tariqah) telah dicari untuk menenangkan jiwa dan perasaan, di samping mencari kuasa dan pengaruh menerusi organisasi ibadah yang kemudiannya dikenali sebagai 'tariqah'. Sebanyak 177 buah organisasi tariqah terbentuk, dan dari jumlah tersebut sebanyak 76 tariqah masih kekal hingga ke hari ini.

Perkembangan pemikiran tasawwuf di Asia Barat telah mengalir masuk ke Nusantara pada abad 15M., sepetimana yang disebutkan di atas. Kalau dulunya aliran pemikiran tasawwuf di Nusantara tidaklah begitu jelas, tetapi menjelang abad 16M. muncul beberapa orang tokoh Islam di Aceh, di antaranya ialah Hamzah al-Fansuri, yang telah cuba mengembangkan tasawwuf falsafah dalam teori Wahdat al-Wujud yang diasaskan oleh Ibn Arabi. Dalam pemikiran falsafahnya al-Fansuri sangat terpengaruh dengan pemikiran Ibn al-Arabi. Faham Wahdat al-Wujud mengikut ahli sufi adalah suatu jalan untuk mengenal Tuhan. Untuk mengenal Tuhan, sepetimana yang dilaporkan oleh al-Fansuri dalam kitab *Sharab al-Ashikin*, mestilah melalui beberapa tahap: pertama berguru, kedua, memahami syariah, ketiga, memasuki tariqah, dan keempat, sampai kepada hakikat iaitu ma'rifat Aklah. Menurut beliau lagi, Tuhan mempunyai Zat semata dan tidak ada sifat. Kerana Ia qaim (berdiri) dengan sendiri-Nya, maka dinamakan *Wajib al-Wujud* (wujud Allah itu wajib). Menurut ulama syariah, Zat Allah dengan wujud Allah dua perkara yang berbeza, wujud Allah dengan wujud alam juga berbeza. Bagi al-Fansuri, Zat Allah dengan wujud Allah esa hukumnya; wujud Allah dengan wujud alam juga esa hukumnya; wujud itu ialah keesaan semata atau Wahdat al-wujud. Aliran ini banyak menyerupai doktrin Pantheisme Hindu yang melahirkan kata-kata "Aku adalah Dia" atau "Aku adalah Allah". Aliran ini telah ditentang oleh Sheikh Nuruddin al-Raniri tokoh ulama Ahl al-Sunnah yang menyokong teori Wahdat al-Shuhud, bererti bahawa alam yang baru ini adalah kesaksian atau dalil adanya Allah. Pemikiran al-Raniri telah disetujui oleh pemimpin Aceh pada ketika itu iaitu Sultan Iskandar Thani (1635-1641). Setelah itu pada zaman Ratu Saifiatuddin Johan Berdaulat

(1641-1675) penentangan terhadap ajaran al-Fansuri telah sampai kepada kemuncaknya yang menyebabkan berlaku pemusnahan dan pembakaran terhadap kitab-kitab karangannya dan juga penyokongnya Sheikh Shamsuddin Sumatrani.²¹

Dari teori Wahdat al-Wujud lahir pula kemudiannya aliran atau tariqah "Saleek Buta" di Aceh yang jauh menyeleweng dari ajaran Wahdat al-wujud yang sebenar. Saleek Buta pada hakikatnya adalah sisa-sisa ajaran Shi'ah yang melampaui (Ghulat) yang menempatkan imam-imam mereka di luar batas makhluk, iaitu pancaran dari Allah. Mereka berpendapat bahawa Allah dapat menjelma dalam tubuh imam-imam, sehingga imam-imam itu bebas dari tugas makhluk yang lain. Ibadat mereka berbeza dengan manusia lain, dan apa yang halal pada orang lain adalah haram pada mereka, dan sebaliknya apa yang haram pada orang lain adalah halal pada mereka. Mereka ini telah berpecah kepada beberapa puak: Sabaiyah, Kamiliyah, Albaiyah, Mughiriyah, Mansuriyah, Khattabiyah, Islahiyah, dan lain-lain.²²

Sepertimana yang dinyatakan di atas, sebelum ketibaan agama Islam masyarakat Melayu sudah mempunyai sistem kepercayaan sendiri yang berasaskan ajaran-ajaran Hindu-Buddha dan unsur-unsur tempatan dari pengaruh Hindu-Buddha telah melahirkan konsep "Dewaraja" di mana raja-raja dianggap sebagai keturunan dewa Siva-Buddha. Dengan kepercayaan raja sebagai inkarnasi dewa itu pula lahirlah konsep 'daulat raja', yang akhirnya menimbulkan ketaatan melulu dari rakyat jelata kepada raja. Ini kerana daulat memberikan raja hak dan keistimewaan yang terlalu banyak sehingga rakyat tidak boleh menegur atau menderhaka. Keadaan ini ada persamaannya dengan ajaran Shi'ah yang menganggap 'Ali dan kaum keluarganya (imam-imam) sebagai pemimpin suci atau Imam Mahdi. Pengaruh Hindu yang bercampur-aduk dengan pengaruh Shi'ah ini dapat dilihat dengan jelasnya dalam hikavat-hikayat sastera Melayu seperti *Hikayat Seri Rama*, *Hikayat Nabi Bercukur*, *Hikayat Muhammad 'Ali Hanafiyah*, *Hikayat Raja Hendak (Khandaq)* dan *Hikayat Nur Muhammad*. Karya-karya ini mengandungi unsur-unsur kepercayaan Hindu, seperti dewa-dewi yang mempunyai sifat-sifat kemanusiaan dan ketuhanan, perlakuan magis yang luar biasa, senjata-senjata ghaib dan sakti.²³ Karya-karya ini juga merupakan saluran dakwah yang berpengaruh dan berkesan di kalangan masyarakat Melayu.

Sifat pemujaan nenek-moyang yang sudah sedia ada dalam masyarakat Melayu, diperkuuhkan pula oleh pengaruh asing, termasuk Buddha-Hindu dan kaum Shi'ah, setelah itu golongan Sayyid yang mengaku dari keturunan Nabi Muhammad s.a.w. walaupun golongan Sayyid yang berada di rantau ini menjadi

penganut mazhab Shafi'i atau Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, namun mereka tetap berbangga dan bermegah dengan kaum mereka yang dikatakan dari keturunan Ali yang secara langsung berkeluarga dengan kaum Shi'ah. Dengan sebab itu mereka digelar Sayyid Alawiyyah.²⁴ Ramai di antara mereka digelar ahli sufi.

Penglibatan kaum Sayyid dalam aktiviti dakwah sudah bermula sejak zaman pemerintahan Melayu Melaka lagi. Buku Sejarah Melayu ada mencatatkan perihal kedatangan seorang pendakwah Arab digelar Makhdum Sayyid Abd. al-Aziz yang telah mengislamkan Raja Melaka Ketiga, Raja Tengah/Sultan Muhammad Shah. Segala tindak-tanduk kaum Sayyid yang menjalani aktiviti dakwah di Melaka dan juga di tempat-tempat lain di rantau ini dipenuhi dengan unsur-unsur magis yang menakjubkan.²⁵ Di dalam *Hikayat Raja-Raja Pasai*, misalnya disebut bahawa seorang tokoh sufi bernama Sheikh Ismail telah mengislamkan Merah Silu, pemerintah kerajaan Samudra-Pasai. Sebaik sahaja memeluk Islam Merah Silu terus pandai membaca Al-Quran tanpa mempelajarinya. Keadaan ini berbeza sekali dengan cara yang dilakukan oleh Nabi Muhammad dan cara sahabat dahulu, mereka menyebarkan Islam menerusi pengajaran dan penerangan yang jelas dan teratur tanpa melakukan sebarang magis atau sakti. Tetapi apa yang berlaku di Nusantara adalah merupakan magis belaka. Ini tidak lain adalah hasil imaginasi penduduk tempatan terhadap kebesaran pengaruh ahli tasawwuf dalam bidang agama. Walau bagaimanapun, bawaan kaum sufi ini amat serasi dengan jiwa orang Melayu sehingga ramai di antara mereka, khususnya dari keturunan Arab Sayyid digelar *awliya'*, ahli-ahli keramat.

Bawaan kaum sufi yang berbau Shi'ah dalam menyampaikan ajaran-ajaran agama telah memperkuatkan lagi kepercayaan orang Melayu terhadap kuasa-kuasa ghaib dan keistimewaan-keistimewaan yang dimiliki oleh kelas-kelas tertentu dalam masyarakat. Dengan sebab itu penyusun Sejarah Melayu tidak teragak-agak untuk menyatakan bahawa raja-raja Melayu Melaka adalah titisan dewa-dewa yang turun dari Bukit Siguntang Mahamiru di Palembang. Malah nasab raja-raja ini dihubungkan pula dengan nasab Iskandar Zulkarnain dan Nabi Khidir.²⁶ Kalau dulunya pemujaan nenek-moyang berteraskan tradisi tempatan, tetapi kini setelah kedatangan Islam ia disalut pula dengan asas-asas agama. Usaha untuk menggunakan nama Nabi dan kaum keluarganya dalam perjuangan politik — agama sudah membuktikan kejayaannya, sepetimana yang pernah dilakukan oleh pendukung-pendukung gerakan Abbasiyyah. Tetapi akhirnya sama sahaja dengan kerajaan Banu Umayyah yang ditumbangkan. Perbezaannya hanyalah bahawa kerajaan Banu Umayyah berteraskan nasionalisme Arab sementara kerajaan Banu Abbas berselimutkan Islam. Namun

kedua-duanya sama mengamalkan sistem pemerintahan monarki. Sistem monarki sudah bertapak di Nusantara sejak zaman Hindu-Buddha lagi dan terus kekal hingga ke zaman Islam. Dengan kedatangan agama Islam beberapa perubahan kecil telah dilakukan di antaranya ialah memasukkan unsur-unsur keislaman seperti menggantikan nama dan gelaran; perkataan raja diganti dengan Sultan setelah itu ditambah dengan berbagai gelaran di akhirnya, misalnya Shah, al-Mustain bi-llah, al-Mu'azzam, al-Mutawwakil dan lain-lain lagi. Namun begitu, unsur-unsur tempatan seperti konsep 'daulat raja', 'menderhaka' kepada raja dan berbagai lagi upacara istana yang berbau Hindu masih dikenakan. Para pendakwah yang kebanyakannya terdiri daripada ulama sufi dan sekaligus menjadi penasihat raja/sultan tidak pernah menegur atau cuba memperbaiki sebarang kesilapan dan keburukan dari sistem pentadbiran istana meskipun bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Mereka lupa bahawa tugas asasi seorang pendakwah ialah "menyuruh kepada ma'ruf dan mencegah yang mungkar". Barangkali mereka lebih suka mengambil jalan singkat iaitu suatu metode dakwah yang menghalalkan sebarang cara dan tindakan asalkan tercapai tujuan dan maksud (the end justifies the means) asalkan ramai yang memeluk agama Islam tidak kira sama ada kefahamannya terhadap Islam itu betul atau salah. Para sufi memang terkenal dengan sifat lemah-lembut dan bertoleransi dengan nilai-nilai tempatan. Kerana dengan cara ini sahaja mereka dapat menyebarkan agama Islam dengan cepat dan berkesan. Keadaan ini bukan sahaja berlaku di Nusantara malah di tempat-tempat lain juga seperti di India, Asia Tengah dan Afrika.²⁷

Dengan ketibaan pengaruh penjajahan Belanda dan Inggeris pada abad 17M. dan 18M. pemikiran tasawwuf falsafah telah bertukar menjadi sebuah organisasi yang kemudiannya dikenali sebagai organisasi tariqah. Kelahiran organisasi tariqah di rantau ini merupakan reaksi kepada perkembangan budaya Barat yang berorientasikan materialisme dan rasionalisme. Di antara tariqah-tariqah yang tersebar di rantau Asia Tenggara ialah Qadiriyah, Rifaiyah, Shazaliyah, Shatariyah, Ahmadiyah, Tijaniyah, 'Alawiyah dan Naqshabandiyah. Melalui organisasi-organisasi tariqah ini yang dipimpin oleh ahli-ahli sufi yang dikenali sebagai Khalifah atau Murshid maka lahirlah komuniti Muslim yang berorientasikan kerohanian. Aktiviti tariqah telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari penduduk tempatan kerana terdapatnya kesejajaran dalam pandangan hidup (world view) di antara ajaran mistik/sufi dengan realiti tempatan.²⁸ Kebanyakan para pendakwah sufi bersifat Zuhud, ini amat sesuai dengan kehidupan orang Melayu yang sudah dipengaruhi oleh ajaran Hindu-Buddha.

Tujuan utama penubuhan organisasi tariqah ialah untuk menghindarkan dari pengaruh materialisme menerusi amal ibadah atau mendekati diri dengan Allah menerusi upacara-upacara zikir, suluk, dan lain-lain. Pada kebiasaannya amalan-amalan ibadah ini dilakukan di tempat-tempat tertentu yang biasa digelar *Zawiyah* atau *ribat*. Oleh kerana penumpuannya lebih banyak kepada aspek kerohanian maka bidang-bidang lain yang berkaitan dengan urusan kehidupan di dunia hampir diabaikan. Sikap negatif ulama-ulama tasawwuf tariqah terhadap kemajuan dan perubahan zaman serta kelekaan mereka memuja nenek-moyang yang dianggap keramat menyebabkan mereka ditentang oleh golongan Islam, reformis Islam. Semangat Islah yang bertiup dari Timur Tengah yang dipelopori oleh Muhammad bin Abdul Wahhab pada abad 18 di Hijaz, setelah itu oleh Jamaluddin al-Afghani dan Sheikh Muhammad Abduh dari Mesir telah memuncak di Nusantara pada awal abad 20. Tetapi oleh kerana tekanan pihak penjajah dan pemerintah yang menyokong golongan ulama tradisional yang diistilahkan sebagai ‘kaum tua’ menyebabkan semangat islah menjadi pudar di pertengahan abad 20. Tetapi di akhir-akhir ini semangat islah yang ingin mengembalikan amalan dan ajaran Islam yang suci timbul semula.

Sebagai kesimpulan dapatlah dikatakan bahawa sebelum kebangkitan semula Islam masyarakat Melayu tradisional, menerusi proses ‘kesinambungan dan perubahan’ di berbagai dasawarsa – primitif, Hindu-Buddha dan Islam – telah berjaya membentuk suatu aliran pemikiran atau cara hidupnya yang berorientasikan keagamaan.

Arus pemikiran falsafah dalam agama yang dibawa akal yang tidak ada batas yang berkembang dalam agama Hindu telah menyerap masuk ke dalam pemikiran setengah ulama sufi dan Shi'ah Islam sehingga terjadilah persamaan taraf antara Allah dengan manusia dalam teori Wahdat al-wujud.²⁹ Hal ini adalah bertentangan dengan ajaran Al-Quran, firman Allah "لَيْسَ كُمَّلَهُ شَيْءٌ" yang bermaksud, “tidak ada sesuatu yang menyerupai-Nya” (al-Syura, ayat 11). Sebagai reaksi kepada aliran falsafah dan rasa benci terhadap segala kehidupan duniawi yang dipenuhi oleh kejahatan dan kemaksiatan maka timbulah keinginan memisahkan diri dari masyarakat dan seterusnya berusaha mendampingi Allah Azza Wajalla menerusi ibadah bertariqah yang sangat tertutup sifatnya.

Pada zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya memang tidak ada ibadah cara bertariqah atau cara bertapa seperti mana yang dilakukan oleh penganut-penganut agama Hindu-Buddha, dengan sebab itu Sayyidina ‘Umar bin al-Khattab pernah menjelaskan bahawa, “Tidak ada pertapaan (rahbaniyyah) dalam Islam”.

Kesan dan Pengaruh Agama

Sesungguhnya Islam bukanlah merupakan suatu kepercayaan agama semata-mata tetapi ia adalah 'sistem hidup yang menyeluruh'. Tetapi oleh kerana nilai keagamaan dan kerohanian yang lebih menonjol dari nilai-nilai lain yang wujud dalam Islam di setengah kalangan masyarakat Muslim maka jadilah Islam sebagai agama ibadah semata-mata. Demikianlah halnya dengan masyarakat Melayu tradisional yang mempunyai semangat dan cita-cita keagamaan yang begitu tinggi sejak zaman primitif hingga ke zaman Islam. Wabillahi taufiq, wallahu a'lam.

Nota

- 1 Ibn Khaldun, *Muqaddimah, Wizarah al-Thaqafah wa al-Irshad al-Qaumi*, Dar Ihya al-Kutub al-'Arabiah, al-Qahirah, 1960, h. 57-80.
- 2 Jack Finegan, *The Archeology of World Religion*, New Jersey: Princeton University Press, 1952, h. 12.
- 3 R.O. Winstedt, *Anthropology in Indonesia*, S. Gravenhage: Martinus Nijhoff, 1975, h. 62-63.
- 4 S. Wojowasito, *Sejarah dan Kebudayaan Indonesia*, Jilid 2, Jakarta: Siliwangi, 1954, h. 14, 125.
- 5 Mohd. Taib Osman, *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983, h. 40.
- 6 Haryati Soebadio, *Masalah Penyebaran Kebudayaan Hindu di Kepulauan Indonesia*, Jakarta: Penerbit Bhratara, 1976, h. 8.
- 7 H.B. Sarkar, *Some Contributions of India to the Ancient Civilization of Indonesia and Malaysia*, Culcutta, 1970. h. 191; Alastair Lamb, "Indian Influence in Ancient Southeast Asia" in A.L. Basham (ed.), *A Cultural History of India*, London 1975, h. 452.
- 8 G. Parrinder, *Mysticism in the World's Religions*, London 1976, h. 33-35.
- 9 N.J. Krom, *Zaman Hindu*, Jakarta, 1954, h. 7.
- 10 al-Nuwairi, *nihayat al-Arab fi Funun al-Adab*, Matba'ah Kustatsumas wa syarikah, al-Qahirah, 1923-1955, vol. 1, h. 230.
- 11 Sayyid Alwi bin Tahir al-Haddad, *'Uqud al-Almas*, Matba'ah al-Madani, al-Qahirah, 1388/1968, vol. 1, h. 144-146.
- 12 *Ibid*, h. 146.
- 13 Thomas Arnold, *The Preaching of Islam*, Lahor, 1968, h. 368.
- 14 W.P. Groeneveldt, *Historical Notes On Indonesia and Malaya Compiled from Chinese Sources*, Bhratara, 1960, h. 14.
- 15 A. Hasjmy, "Adakah Kerajaan Islam Perlak Negeri Islam Pertama di Asia Tenggara, dlm. *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*. A. Hasjmy (ed.), Ptalmaarif, Aceh, 1981, h. 146-148.
- 16 Ibn Battutah, *Rihlah*, Matba'ah al-Istiqamah, al-Qahirah, 1967, vol. 1, h. 152.

- 17 Sanusi Daing Mariok, *Ilmu Kalam Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan*, Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah, Bangi, 1981, h. 54-55.
- 18 *Sejarah Melayu*, h. 187.
- 19 Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Some Aspects of Sufism As Understood and Practised Among the Malays*. MSRI, Singapore, 1963, h. 31.
- 20 Abu Hamid al-Ghazali, *Ihya Ulumuddin*, (terjemahan), Perpustakaan Nasional Singapura, 1981, Jilid I, h. 341.
- 21 A. Hasjmy, *Syi'ah dan Ahlussunnah*, Penerbit Bina Ilmu, Surabaya, 1983, h. 52-55.
- 22 Ibid. h. 57.
- 23 Mohd. Taib Osman, *Kesusasteraan Melayu Lama*, Federal Publication Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1974, h. 33-39.
- 24 Mengenai Sayyid Alawiyyah, lihat Mahayudin Hj. Yahya, "Latarbelakang Sejarah Keturunan Sayyid di Malaysia", dalam *Tamaddun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur, 1980, h. 60-73.
- 25 *Sejarah Melayu* (Malay Annals), JMBRAS, vol. XVII pt. 3, 1938, h. 97-98, 170-172 — lihat juga N.M. Saleebi, *Studies in Moro History, Law and Religion*, Manila, 1976 mengenai kegiatan kaum sufi/Sayyid di Filipina.
26. *Sejarah Melayu*, W.G. Shellabear 'ed. I, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1978, h.18, 23-24.
- 27 Fazlul Rahman, *Islam*, University of Chicago Press, Chicago, 1979, h. 6.
- 28 Abdul Fatah Ibrahim, *Kefahaman Subud di Kelantan dan Hubungannya dengan Aqidah dalam Islam* (Risalah), h. 21.
- 29 Ahmad Shalabi, *Muqaranah al-Adyan*, Adyan al-Hind al-Kubra, Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, al-Qahirah, 1964, h. 67.